


BAGAIMANA AWDA BOLEH MEMBANTU TAKAT KARANG KITA?



- Kita semua memainkan peranan yang penting didalam melindungi takat karang kita, oleh itu:-
- Jangan gunakan bahan-bahan letupan atau racun untuk menangkap ikan. Perbuatan ini adalah juga salah disisi Undang-Undang;
- Hindari perbuatan merosakkan takat karang;
- Jangan cemari perairan kita kerana ianya boleh menghentikan pertumbuhannya;
- Jangan mengambil takat karang yang bukan diternak sebagai perhiasan rumah;
- Berhati-hati apabila menyelam di kawasan takat karang kerana ia mudah patah apabila terkena hentakkan;



UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNG!



DIVISIEN PERKEMBANGAN DAN
PENGURUSAN PERIKANAN MARIN
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN
SUMBER-SUMBER UTAMA

TELEFON:

2770066 / 2770067 / 2770068

FAKS:

2771063 / 2770065

E-mail: info@fisheries.gov.bn



CAWANGAN-CAWANGAN JABATAN PERIKANAN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Ibu Pejabat

Tel: 2770066 / 2770067 / 2770068

Pejabat perikanan Tutong

Tel: 4221331

Pusat perikanan Belait

Tel: 3331852


Pejabat Perikanan Temburong

Tel: 5221468

Diterbitkan oleh

Jabatan Perikanan,
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan
Pelancongan

KEPENTINGAN TAKAT KARANG KEPADА KITA




I. PENDAHULUAN



Takat karang atau juga dikenali dengan batu karang merupakan organisma-organisma kecil semulajadi yang tumbuh secara berkumpulan di dasar laut. Ianya mempunyai berbagai fungsi seperti sumber makanan bagi ikan-ikan, kawasan pembiakan dan pelindungan ikan-ikan. Ia juga merupakan tempat kediaman yang sesuai bagi organisma-organisma marin seperti tiram, rumput-rumput laut dan bakara, dan sebagai 'buffer' kepada persisiran pantai dari kederasan air laut yang boleh menyebabkan hakisan.

Pertumbuhan takat karang ini agak perlahan dimana pembesarannya ialah diantara 1-3 sm dalam satu tahun. Di perairan negara kita terdapat dua (2) jenis takat iaitu takat karang atau takat asli dan takat tiruan (takat buatan). Takat karang di negara ini, ada diantaranya sudah berumur lebih ratusan tahun. Sementara itu, takat-takat tiruan diperbuat daripada struktur-struktur kukuh seperti besi-besi dan konkrit. Tujuan pembinaan takat-takat tiruan ini ialah untuk memperkayakan lagi sumber-sumber marin di perairan kita yang juga mempunyai peranan yang sama dengan takat karang. Takat-takat tiruan ini dilaboh di kawasan-kawasan yang strategik sebagai penghalang kepada kapal-kapal komersil menangkap ikan, untuk tidak memasuki kawasan larangan seperti di kawasan zon 1 (jarak antara pantai ke 3 batu nautika). Takat karang boleh ditemui di lokasi-lokasi seperti di Ampa Patches, Brock Patch, Abana Rocks, Two Fathom Rocks, Brunei Patches, Victoria Patches, Champion Shoal, Iron Duke Shoal, Chearnley Shoal dan Pelong Rocks seperti di rajah 1.

Rajah 1—Antara takat yang ada di perairan kita



II. APA YANG TERJADI DI DALAM TAKAT KARANG INI?



Keujudan takat karang ini boleh membantu meningkatkan kepelbagaian dan jumlah sumber-sumber ikan yang bernilai tinggi dan saiz ikan yang lebih besar. Takat karang yang dirosakkan, besar kemungkinan tidak akan pulih semula. Maka jika takat karang kita sihat dan terpelihara, sudah tentu ia dapat menyumbang kearah meningkatkan produktifiti sumber marin yang akan dimanfaatkan, terutama kepada para nelayan-nelayan kita.



III. APAKAH KEGIATAN YANG BOLEH MEROSAKKAN TAKAT KARANG?



Takat karang merupakan ekosistem yang sensitif dan mudah musnah (fragile), jika tidak dipelihara dengan sebaiknya. Antara kegiatan yang boleh merosakkan takat karang ini adalah seperti berikut:-

- Menangkap ikan di kawasan takat karang dengan menggunakan bahan-bahan letupan. Perbuatan ini akan menghancurkan takat karang ini dan membunuh semua hidupan di kawasan yang terlibat dan sudah tentunya mendatangkan bahaya kepada sipengguna;
- Menangkap ikan di kawasan takat karang menggunakan bahan-bahan racun atau kimia yang boleh membunuh anak-anak ikan dan melemahkan pertumbuhan takat karang tersebut;
- Melabuh sauh di kawasan takat karang akan mematahkan jejari takat karang;
- Mengetuk dan memecahkan takat karang untuk mengutip timun laut atau bakara;
- Pencemaran air dari sisa-sisa yang tidak dirawat yang dibuang kelaut akan menyebabkan pemusnahan kehidupan takat karang dalam jangka panjang.